

Salah anggap punca pengasingan pelajar: Dr M

BH 30 AUG 2002

PUTRAJAYA, Khamis – Dato Seri Dr Mahathir Mohamad berkata salah tanggapan bahawa sekolah kebangsaan bersifat kemelayuan adalah antara punca berlaku pengasingan pelajar mengikut kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, disebabkan salah tanggapan itu, ramai ibu bapa bukan Melayu enggan menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dan ia akhirnya menjerus kepada pengasingan.

Dalam pertemuan dengan TV3 selepas rakaman ucapan sempena Hari Kemerdekaan di sini hari ini, beliau menyatakan rasa bimbang masalah pengasingan kaum akan lebih ketara jika sekolah kebangsaan sekarang terus menjerus ke arah itu.

“Beberapa langkah yang diambil oleh sekolah kebangsaan termasuk penekanan kepada agama, menyebabkan kaum lain enggan menghantar anak mereka ke sekolah itu. Berikutan itu, tiada perpaduan kaum di sekolah dan peluang untuk berinteraksi antara pelajar berlainan

bangsa tidak wujud.

“Saya juga dapati ramai yang tidak mahu ke sekolah kebangsaan dan mereka menghantar anak mereka ke luar negara untuk belajar di sekolah-sekolah Inggeris dan ini bermakna bahawa mereka tidak berpeluang berjumpa dengan kaum-kaum lain,” katanya.

Sebelum ditukar kepada aliran Melayu, sekolah kebangsaan adalah gabungan sekolah aliran Inggeris dan Melayu. Sejak ditukar kepada aliran Melayu, ia lebih menekankan kepada satu bangsa.

Dr Mahathir berkata, selain kesedaran masyarakat, usaha perlu dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan pendidikan anak-anak khususnya di sekolah kebangsaan, tidak terus dipolitikkan.

“Kita merasa sedih kerana kadang-kadang di sekolah kebangsaan, yang diajar bukan agama tetapi sebaliknya diajarkan politik dan ini menjejaskan usaha kerajaan untuk menentukan anak-anak kita mendapat pelajaran agama yang sebenar,” katanya.